

## Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Mengintegrasikan KBAT Berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Mohd Syaubari Bin Othman PhD

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

[syaubari@fpm.upsi.edu.my](mailto:syaubari@fpm.upsi.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah menerusi pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berasaskan KSSR. Kajian ini melibatkan guru-guru Pendidikan Islam di negeri Perak. Komponen berfikir aras tinggi seperti kemahiran banding beza, kemahiran menyusun urutan, kemahiran membuat ramalan, kemahiran membuat definisi dan kemahiran mencipta analogi yang di lihat dalam tiga komponen utama refleksi objektif iaitu refleksi sendiri, refleksi penetapan matlamat dan penilaian keberkesanan refleksi dipilih sebagai kerangka konseptual kajian. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif (melalui instrumen soal selidik). Kesemua instrumen pengutipan data ini dibina oleh pengkaji dengan pengubahsuaian daripada instrument KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia dan pakar yang terlibat serta kandungannya disahkan oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang diperolehi adalah tinggi iaitu antara (0.82173). Seramai 402 orang guru Pendidikan Islam dipilih secara rawak mudah untuk menjawab instrumen soal selidik. Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan frekuensi dan peratusan min. Secara keseluruhannya, hasil kajian penilaian pengajaran di dalam mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah berada pada tahap tinggi menerusi min bagi keseluruhan (4.43) dan berdasarkan komponen penilaian pengajaran yang terdiri daripada perancangan penilaian yang mencatatkan min (4.45), kandungan bahan penilaian yang mencatatkan min (4.44) dan proses penilaian yang mencatatkan min (4.40). Implikasi dan cadangan yang dikemukakan dapat memberi gambaran yang bermanfaat kepada kementerian, sekolah, guru dan masyarakat di dalam meningkatkan tahap pengajaran guru Pendidikan Islam berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti yang dihasratkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

**Kata Kunci:** Penilaian pengajaran, Guru Pendidikan Islam, KBAT

### 1.0 PENGENALAN

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah kemahiran yang mengaplikasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT ini dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula 1993. Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan taksonomi bloom dan diubahsuai oleh Lorin Anderson menerusi empat hierarki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi penekanan utama terhadap konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi mempunyai keupayaan dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan iaitu menghasilkan lebih banyak pelajar yang mempunyai keupayaan kognitif aras tinggi melalui pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, matlamat masih belum tercapai sepenuhnya maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia. Menurut (Amabile et al, 2010).



*“Jika inginkan pelajar yang berpotensi untuk berfikir dan mampu menyelesaikan masalah kita perlu mula menyediakan tugasan-tugasan yang kompleks yang berkognitif tinggi”.*

Maka proses transformasi pengajaran Pendidikan Islam telah dirangka berdasarkan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah melalui pengubahsuaian melibatkan komponen keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan pelajar mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi agar matlamat pengenalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berorientasikan KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membentuk kefahaman yang mantap dikalangan pelajar. (Noor Hisham, 2011; Zuraidah, 2013)

## 2.0 KAJIAN KEPUSTAKAAN

Berdasarkan kajian (Amabile, Hennessey, 2010) terdapat tujuh panduan sebelum guru melaksanakan penilaian pengajaran iaitu (i) penilaian mestilah sesuai dengan objektif dan matlamat mata pelajaran yang di sampaikan (ii) penilaian hendaklah bersesuaian dengan tabiat/asas pelajaran yang diajar (iii) penilaian mestilah sesuai dan setara dengan umur pelajar (iv) penilaian mestilah mampu dilaksanakan oleh guru (v) masa yang mencukupi untuk mengaplikasi di dalam penilaian berkenaan dan (vii) penilaian yang dipilih mestilah bersesuaian dengan kemudahan yang ada. (Kamarul Azmi et al, 2013) manakala (Mohd Aderi, 2008, 2012) mencadangkan agar guru memilih penilaian yang boleh memberi penghayatan yang mendalam, bukan sahaja kepada kefahaman pelajar, malah memberi kesan kepada jiwa pelajar. Penilaian ini mampu membantu pelajar memberi tumpuan, mengingat, mengekalkan ingatan dan mengaplikasikan dalam amalan seharian.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), strategi perancangan pengajaran menerusi penilaian ini adalah untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar-pelajar terhadap pembelajaran serta membimbing mereka supaya bersedia menerima pelajaran seterusnya dan berupaya pula meneruskannya sendiri

Penilaian pengajaran adalah lebih penting sekiranya guru mengajar pelajar-pelajar yang mempunyai kebolehan, pencapaian, kecenderungan serta minat yang pelbagai. Guru seharusnya merancang pendekatan dan kaedah yang digunakan untuk mengajar kumpulan-kumpulan yang pelbagai itu (Kamarul Azmi, 2010). Contohnya, dalam bilik darjah KSSR yang biasanya terdiri daripada kumpulan pelajar-pelajar yang lemah, sederhana serta yang cemerlang. Guru terpaksa memikirkan strategi pengajaran yang terdiri daripada pelbagai kaedah mengajar untuk memenuhi keperluan semua kumpulan.

Di samping itu, setiap bilik darjah mempunyai halangan serta rintangan-rintangan yang tersendiri seperti keadaan fizikal, kemudahan bilik darjah, nilai, sikap serta latar belakang sekolah dan pelajar. Lantaran itu, seseorang guru bukan sahaja mesti menguasai pelbagai bentuk penilaian mengajar tetapi yang lebih penting adalah bagaimana mengintegrasikan serta menyusun kaedah-kaedah itu untuk membentuk penilaian pengajaran yang paling berkesan dalam pengajarannya (Ab Halim et al, 2007, 2010). Maka penilaian yang berkesan mampu menghasilkan pengajaran yang berkesan. Penilaian untuk pengajaran bermula sebelum pengajaran dilakukan dengan mengambil kira semua aspek seperti sukatan pengajaran, kesediaan pelajar, tahap pengetahuan pelajar, suasana bilik darjah dan bahan bantu mengajar (BBM). Kesemua ini dapat diklasifikasikan kepada 3 bahagian utama iaitu perancangan penilaian, kandungan bahan penilaian dan proses penilaian.

### 3.0 PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat dunia mempercayai bahawa pengetahuan dan kemahiran sangat diperlukan oleh pelajar dalam menghadapi cabaran di abad ke-21. Walaupun terdapat perbezaan dari segi maksud terminalogi kemahiran abad ke-21 (*21st century skills*) di antara negara-negara di dunia, namun kesemuanya memberi penekanan terhadap pengetahuan, kemahiran dan nilai (Saavedra & Opfer, 2012). Selain itu, laporan yang dikeluarkan oleh *Perunding Kestrel Education* daripada England dan *21st Century School* daripada Amerika Syarikat pada 2011 menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, guru yang melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berupaya untuk meningkatkan kefahaman dan perubahan di dalam amalan perlakuan pelajarnya (Boaler, 2008; Siti Marlina, 2013; KPM, 2014).

Dapatan ini seiring dengan pemantauan laporan kebangsaan bagi subjek Pendidikan Islam (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2011) melibatkan 103 sekolah rendah dengan 228 pencerapan PdP mendapati 41.92% pelajar tidak dilibatkan di dalam aktiviti berkumpulan, 43.73% pelajar tidak menguasai objektif seperti yang ditetapkan dan 49.47% pelajar gagal mematuhi prosedur di dalam standard melaksanakan latihan. Bagi kualiti pengajaran guru, perancangan PdP ditulis secara umum dan kurang menjurus kepada pernyataan bentuk perlakuan yang boleh diukur, 34.01% gagal menyampaikan isi kandungan pengajaran dengan baik, 47.58% menggunakan sumber pendidikan namun hanya bersifat tradisional seperti manila kad dan lembaran kerja, kurang menggunakan peralatan berorientasikan teknologi maklumat dan 55.82% soalan yang dikemukakan oleh guru dapat meningkatkan pengetahuan baru, namun hasil penilaian penysoalan kurang dimanfaatkan untuk tindakan susulan sama ada dalam bentuk pemulihan dan pengayaan. Keseluruhannya menerusi laporan dipaparkan kelemahan perancangan penilaian guru yang menghasilkan kualiti pengajaran guru masih berada ditahap sederhana dan ini memerlukan pelaksanaan beberapa penambahbaikan bagi mencapai tahap baik dan cemerlang.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh (Ab Halim et al, 2012) dalam kajian terhadap 89 daripada 91 orang pelajar yang ditemubual dan melaksanakan pemerhatian di negeri Selangor, Perak dan Terengganu mendapati kaedah pengajaran guru yang tiada perancangan menyebabkan kaedah kuliah dan penerangan telah digunakan sebagai medium utama di dalam pengajaran. Ini bererti kepentingan perancangan di dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam perlu difahami seterusnya diaplikasikan untuk emastikan pengajaran berorientasikan pelajar yang boleh menjejaskan tahap kefahaman pelajar. Kajian ini juga mendapati asas perancangan pengajaran antara elemen penting dalam menentukan adakah terdapat pengajaran yang berkesan atau tidak berkesan. Kajian ini disokong berdasarkan kajian (Wan Hassan et al, 2013) mendapati guru-guru tidak meletakkan tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di dalam perancangan pengajaran disebabkan tumpuan pengajaran kepada kaedah penerangan sahaja. Ini bertentangan dengan amalan pengajaran KBAT yang mengkehendaki BBM digunakan secara optimum khususnya di tahap perancangan pengajaran bagi menjelaskan sesuatu permasalahan terutama yang sepatutnya menggunakan tayangan video, internet interaktif dan jaringan maya.

### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i) Mengenal pasti perancangan penilaian guru berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam
- ii) Mengenal pasti kandungan bahan penilaian berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam



- iii) Mengenal pasti proses penilaian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

## 5.0 METODOLOGI KAJIAN

### 5.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Menurut (Creswell, 2009) kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan 3 komponen utama

- a) Perancangan penilaian
- b) Kandungan penilaian
- c) Proses penilaian.

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang hanya menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif iaitu min bagi menentukan ciri-ciri pembolehubah tanpa melakukan generalisasi. Kajian ini menggunakan instrumen keberkesanan pengajaran guru berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang telah dilaksanakan dalam pengajaran Pendidikan Islam

### 5.2 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru Pendidikan Islam Negeri Perak yang berjumlah 402 orang dengan pembahagian taburan kajian menggunakan 3 zon iaitu melibatkan Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan. Jumlah keseluruhan guru Pendidikan Islam di Perak adalah 3,502 orang berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak, namun berdasarkan jadual (Krajie & Morgan, 1970, Mohd Majid, 2005; Cohen, 2007) menerusi penentuan sampel daripada populasi jumlah yang bersesuaian ditetapkan 382 orang, namun di dalam kajian ini menggunakan 402 orang guru sebagai syarat ujian untuk dilaksanakan ujian ANOVA (Cohen, 2011). Guru-guru yang terpilih adalah di antara guru-guru yang mengajar berdasarkan jantina, kelayakan akademik, umur dan pengalaman mengajar.

### 5.3 Pengumpulan dan Analisis Data

Dapatan data yang diperolehi ini dilaksanakan menerusi instrumen yang dibentuk bersumberkan instrumen Amalan Pengajaran Guru oleh Aderi Che Noh, Asas taksonomi yang dibangunkan oleh Bloom dan Anderson, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (elemen pedagogi) dan dasar pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui instrumen pengajaran guru KBAT. Kesemua item ini akan dianalisis dan diubahsuai oleh penyelidik bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Berdasarkan data yang diperolehi adalah diharapkan agar penyelidik dapat mengenal pasti pelaksanaan penilaian pengajaran guru pendidikan Islam berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

Kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai *Alpha Cronbach* mencatatkan (0.90132). SPSS 20.0 digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. (Mohd Majid, 2005; Pallant, 2010). Jadual 2 menunjukkan bagi nilai kebolehpercayaan melibatkan komponen perancangan



pendokumentasian yang mencatatkan (0.8927), komponen perancangan aktiviti (0.9075) dan komponen perancangan pelaksanaan yang mencatatkan (0.9027).

**Jadual 2:** Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

<b>Pembolehubah</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Perancangan Pendokumentasian	0.7727
Perkembangan Pengajaran	0.8905
Penutup Pengajaran	0.8020

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min.

#### 5.4 Analisis Kajian

Data telah diringkaskan dan di analisis berdasarkan jadual 3 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman mengajar berdasarkan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

**Jadual 3:** Analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, taraf pendidikan, pengalaman mengajar berdasarkan guru Pendidikan Islam

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>		
1) Lelaki	146	36.31
2) Perempuan	256	63.69
<b>Taraf Pendidikan</b>		
2) Diploma	155	38.55
3) Sarjana Muda	193	48.00
4) Sarjana	54	13.45
<b>Pengalaman Mengajar</b>		
1) Kurang 3 tahun	113	28.10
2) 4 - 10 tahun	142	35.32
3) 10 tahun ke atas	147	36.58

Berdasarkan jadual ini, taburan jantina bagi guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 146 lelaki dan 256 perempuan. Ini menunjukkan kebanyakan guru yang terlibat adalah guru perempuan yang sememangnya mendominasi perjawatan di dalam bidang perguruan ini. Guru-guru ini

adalah berkemampuan dan bersifat produktif di dalam menyumbang kepada perancangan penilaian yang berkesan dan berteraskan KBAT. Bagi kategori taraf pendidikan, di dapati ramai guru yang berada pada tahun diploma dan sedang melanjutkan pengajian bagi peringkat ijazah, ini membuktikan guru mempunyai komitmen meningkatkan pengetahuan berkaitan pendekatan pengajaran yang berkesan dan ini merupakan salah satu daripada elemen di dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu guru berpengetahuan. Bagi kategori taraf pendidikan didapati guru yang mempunyai diploma adalah seramai 155 orang, di ikuti ijazah sarjana muda seramai 193 orang dan peringkat sarjana seramai 54 orang.

Untuk kategori pengalaman mengajar didapati 147 orang guru yang terlibat dalam kajian ini adalah guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun dan ini menggambarkan tidak akan wujud permasalahan dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Ini disebabkan guru yang berpengalaman kebiasaannya mempunyai asas pengajaran yang mampu mempelbagaikan kaedah yang dapat menarik perhatian pelajar. Bagi kategori pengalaman mengajar ini, guru yang kurang daripada 3 tahun adalah seramai 113 orang dan 4 hingga 10 tahun seramai 142 orang.

## 6.0 DAPATAN KAJIAN

Huraian berdasarkan analisis deskriptif iaitu min serta gambaran setiap item kajian.

**Jadual 4 :** Dapatan Keseluruhan Kajian

Deskripsi	Purata Min	Tahap
1. Pengaplikasian KBAT pada perancangan Penilaian	3.93	Sederhana Tinggi
2. Pengaplikasian KBAT pada kandungan penilaian	3.95	Sederhana Tinggi
3. Pengaplikasian KBAT pada proses penilaian	3.65	SederhanaTinggi
<b>Purata</b>	<b>3.84</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

## 7.0 PERBINCANGAN

Perbincangan berkaitan hasil dapatan kajian adalah berdasarkan komponen penilaian pengajaran yang terdiri daripada perancangan penilaian, kandungan penilaian dan proses penilaian.

### 7.1 Dapatan kajian perancangan penilaian

Pengkaji mendapati pengaplikasian KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam dikalangan guru-guru untuk konstruk perancangan penilaian berada pada tahap sederhana tinggi dengan purata min (3.93).



Berdasarkan dapatan kajian bagi item yang mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru sentiasa menetapkan menulis perancangan di dalam rancangan pengajaran harian (RPH) berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap tajuk yang telah diajarkan sebelum. Ini membuktikan guru sentiasa mengambil berat elemen perancangan yang akan ditetapkan seharusnya berdasarkan tahap keupayaan pelajar yang di dapati daripada pencapaian pembelajaran sebelumnya. Walau bagaimana pun, item berkaitan konsisten amalan pendokumentasian dilaksanakan secara mingguan telah mencatatkan nilai min yang rendah. Ini disebabkan kekangan masa di kalangan guru yang terlibat dengan pelbagai aktiviti terutamanya pada awal tahun. Kebiasaan guru mendokumentasi segala perkara berkaitan PdP adalah berdasarkan keadaan dan kesesuaian masa. Untuk itu, penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan guru berinteraksi dengan pelajar dengan mendokumentasikan pendekatan PdP yang digunakan dalam pengajaran. Situasi ini berdasarkan peruntukan masa yang terhad, maka harus dipastikan segala aktiviti yang perlu dilaksanakan adalah mampu dilaksanakan. Dari segi keseluruhannya, kajian ini mendapati wujud pengamalan yang sederhana tinggi di dalam amalan perancangan penilaian di kalangan guru pendidikan Islam.

## 7.2 Dapatan Kandungan Penilaian

Guru-guru mengaplikasikan KBAT pada peringkat kandungan penilaian berada pada tahap yang sederhana tinggi dengan purata min (3.95). Berdasarkan dapatan kajian, item yang mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru merancang kandungan aktiviti menerusi kefahaman pelajar dengan tertakluk kepada sukatan yang telah ditetapkan. Ini membuktikan guru menggunakan objektif yang jelas untuk melaksanakan kandungan untuk meningkatkan keupayaan pelajar melalui aktiviti seperti kerja kumpulan, kajian mata pelajaran dan kemahiran menganalisis sesuatu topik yang diajar. Kajian ini menghasilkan dapatan yang mengesahkan kandungan aktiviti yang teliti dan jelas berkeupayaan untuk diaplikasikan elemen (KBAT) oleh guru Pendidikan Islam di dalam PdP. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan guru memberi masa kepada pelajar untuk memahami falsafah berkaitan aktiviti yang ditetapkan, ini pendekatan yang sukar dilaksanakan kerana tahap kemampuan memahami konsep sesuatu aktiviti berada pada tahap rendah dan memerlukan bimbingan yang berterusan oleh guru di dalam memastikan pelajar memahami apa tujuan sesuatu tajuk itu disampaikan

## 7.3 Dapatan Proses Penilaian

Guru-guru mengaplikasikan KBAT pada peringkat proses penilaian berada pada tahap yang sederhana dengan purata min (3.65). Berdasarkan dapatan untuk penilaian ini mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru melakukan pelaksanaan berkaitan apa yang telah dirancang menerusi kefahaman yang jelas dan berkaitan dengan tajuk yang akan di ajar. Ini membuktikan guru memberi kebebasan kepada pelajar untuk melakukan pengaplikasian dan pelaksanaan berdasarkan tahap kefahaman, keupayaan dan kemampuan pelajar. Namun sebahagian proses pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berpusatkan pelajar, sewajarnya pelajar didedahkan dengan gambaran keseluruhan bagaimana proses KBAT dapat dilaksanakan. Untuk itu, kefahaman guru pendidikan Islam di dalam melaksanakan proses penilaian PdP (KBAT) perlu diterapkan sebagai suatu amalan yang konsisten.

Namun kajian ini mendapati terdapat pelaksanaan proses penilaian hanya berfokuskan untuk peperiksaan sahaja bukannya untuk penguasaan ilmu kerana keterikatan dengan sukatan yang ditetapkan. Selain itu perancangan pelaksanaan adalah berdasarkan keupayaan pelajar yang memerlukan pertimbangan yang menyeluruh dari aspek pengetahuan, matlamat dan kaedah melaksanakannya. Untuk keseluruhannya



menerusi tinjauan awal ini mendapati pengamalan yang dikategorikan sederhana di dalam proses penilaian (KBAT) dalam kalangan guru pendidikan Islam.

#### **7.4 Dapatan Keseluruhan**

Dapatan keseluruhan menunjukkan penerapan perancangan KBAT sememangnya berlaku di dalam pelaksanaan pengajaran guru pendidikan Islam namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan seperti keperluan menetapkan proses interaksi pelajar sesama pelajar bagi mendapatkan input apa perancangan yang diperlukan. Selain itu, keperluan mengadakan sesi perbincangan dikalangan pelajar dan guru dengan bersumberkan ketetapan objektif seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk analisis keseluruhan hasil kajian menunjukkan beberapa penambahbaikan di peringkat perancangan pendokumentasian, aktiviti dan pelaksanaan hendaklah menekankan kepada aspek-aspek yang berikut iaitu asas penilaian perlu menitikberatkan penghasilan daripada proses PdP KBAT secara berterusan dan ianya harus meliputi keseluruhan pengajaran.

Kajian ini juga merumuskan kepelbagaian penilaian berteraskan aktiviti-aktiviti yang dijalankan hendaklah bersandarkan objektif pengajaran dan elemen penyilaian. Pendekatan ini memerlukan peningkatan serta dipelbagaikan agar proses pelaksanaan KBAT dapat diterapkan secara sepenuhnya. Semua persoalan yang dilaksanakan semasa penilaian pengajaran ini merupakan asas permulaan kepada kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seiring dengan dapatan yang diperolehi.

Untuk rumusan keseluruhan daripada dapatan kajian ini dapat mengukuhkan dan memantapkan isi kandungan pengajaran guru di dalam pelaksanaan penilaian pengajaran KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan menfokuskan kepada terma-terma penting di dalam elemen pemikiran aras tinggi (KBAT) serta beberapa persoalan-persoalan baru dalam memantapkan kefahaman pelajar tentang kepentingan memahami, menganalisis dan menghayati amalan di dalam kehidupan seharian.

#### **RUJUKAN**

- Amabile , Hennessey, B. A, and, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology* ; 61, 569-598.
- Boaler, J. (2008). *Promoting 'Relational Equity' and High Mathematics Achievement Through an Innovative Mixed Ability Approach*. *British Educational Research Journal*. 34 (2), 167-194
- Brookhart, S. (2010), *How to Assess Higher Order Thinking Skills in Your Classroom*, ASCD
- Caroline@Lorena David dan Abdul Said Ambotang (2014). *Profesionalisme guru novis dalam pengurusan pengetahuan, kesediaan mengajar dan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap pelaksanaan pengajaran di sekolah*. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah
- Cohen, J. Lawrence Manion and Keith Marrison (2007). *Research Method in Educatio*. London ; Routledge, Francais and Taylor Group



- Creswell, J. W. (2009). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows ,4<sup>rd</sup> Edition*, Crows West , New South Wales.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Kurikulum)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pedagogi)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pentaksiran)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairiah Binti Razali, (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam*. Batu Pahat. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid, T. (2010). *An Integrated Inquiry Activity in an Elementary Teaching Methods Classroom*. Science Activities: Classroom Projects and Curriculum Ideas.
- Krejciec, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample saiz for research activities, education and psychological measurement*, 30 : 608-619.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Partnership for 21st Century Skills. (2010). *Beyond the Three Rs: Voter Attitudes Toward 21st Century Skills*. Tucson, AZ.
- Rajendran, Nagappan. (2001). *Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice*. Paper presented at the 9th International Conference on Thinking, Auckland, New Zealand.
- Rosnani Hashim. (2012). *Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century*. American Journal of Islamic Social Sciences, 22(4): 133-147.
- Saavedra, A. & Opfer, V. (2012). *Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching*. Phi Delta Kappan, 94(2), 8-13.
- Sidek Baba. (2010). *Kehidupan Sejahtera Terbina Atas Pendidikan Bersepadu*. Pendidik Bilangan 73.
- Siti Marlina Binti Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar tingkatan lima dalam penyelesaian matematik*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaharom Bin Noordin & Nur Laili Binti Lockman. (2008). *Tahap Penguasaan Kemahiran Meramal Dan Kemahiran Mengawal Pembolehubah Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Kimia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.



- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah. (2013) : Pengajaran kemahiran berfikir : persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah : *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, Tanjung Malim ; Universiti Pendidikan Sultan Idris..
- Zainudin Hassan, Hamdan Said, Jamilah Omar, Haslita Hassan. (2005). *Pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran hidup bersepadu di sekolah menengah daerah kota bahru, Kelantan*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Zuraidah Binti Ramdzan@Ramban. (2013). *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)*. Johor Bharu. Universiti Teknologi Malaysia.